

Banjir kilat tiada kaitan dengan Smart

KOSMO 25/8

KUALA LUMPUR - Banjir kilat yang melanda ibu negara petang semalam tidak ada kaitan dengan kerja-kerja pembinaan Terowong Pengurusan Air Banjir dan Lalu Lintas (Smart) kata Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Mohd. Amin Nordin Abd. Aziz.

Banjir kilat tersebut sentiasa berlaku dan ia telah berlaku sebelum pembinaan terowong tersebut lagi.

Oleh itu, Mohd. Amin berkata, pembinaan terowong sepanjang 9.7 kilometer itu adalah satu cara untuk kerajaan mengatasi masalah banjir kilat yang sentiasa 'mengganggu' ibu negara.

Terowong yang bermula dari kampung Berembang, Ampang dan sampai ke Taman Desa di Jalan Klang Lama dijangka siap sepenuhnya penghujung tahun hadapan.

"Disebabkan terowong itu belum siap air dari parit dan sungai melimpah keluar bila hujan," kata beliau.